

Hanya 18 peratus responden rasa Pakatan boleh menang
MalaysiaKini.com
January 19,2012
Aidila Razak

Kurang daripada satu perlima responden dalam kajiselidik Universiti Malaya (UM) berasakan gabungan pembangkang - Pakatan Rakyat - boleh menawan Putrajaya dalam pilihan raya umum akan datang.

NONE Menurut kajiselidik Pusat Demokrasi dan Pilihan Raya UM (Umcedel), 18 peratus percaya Pakatan boleh menang, manakala sebahagian besar responden merasakan BN akan mengekalkan kuasa.

Tanpa mengira kecenderungan kepartian mereka, 43 peratus daripada 2,559 responden dari seluruh negara percaya BN akan terus berkuasa, manakala 39 peratus tidak pasti.

Sebahagian besar responden yang yakin dengan kemenangan BN adalah di kalangan orang Melayu dan India, walaupun bilangan responden Cina yang percaya BN akan menang, melebihi mereka yang merasakan Pakatan Rakyat akan ambil alih.

Para responden terbahagi kepada tiga di segi keyakinan mereka terhadap pilihan raya yang adil dan telus.

Sejumlah 37 peratus merasakan pilihan raya tidak akan adil dan telus, 32 peratus yakin ia boleh dicapai, manakala yang lainnya tidak pasti.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/187115>